

22 NOV 1996

Razaleigh - UMNO

TENGGU RAZALEIGH SEDIA TIMBANG JADI PENERUSI UMNO KELANTAN

KOTA BAHARU, 22 Nov (Bernama) -- Bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah berkata beliau bersedia untuk menimbang sebarang tawaran menjadi Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Bagaimanapun, itu terpulang kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno jika khidmatnya dapat memberi sumbangan besar kepada Umno Kelantan, katanya kepada pemberita di kediamannya di sini hari ini.

"Walaupun saya tidak pernah berniat memegang sebarang jawatan dalam Umno saya bersedia menimbanginya jika khidmat saya dapat memberi sumbangan kepada kekuatan parti," katanya ketika diminta mengulas ura-ura beliau akan dilantik semula ke jawatan itu yang pernah disandangnya untuk mengimbangi pengaruh PAS dan menumbangkan kerajaan PAS Kelantan. Jawatan itu sekarang disandang oleh Dr Mahathir.

Tengku Razaleigh bagaimanapun menolak tawaran agar beliau menjadi Ketua Umno Bahagian Gua Musang yang kini disandang oleh Saufi Draman.

Saufi sebelum ini berkata beliau bersedia mengundurkan diri daripada memegang jawatan itu untuk memberi laluan kepada Tengku Razaleigh, yang juga Anggota Parlimen Gua Musang, menerajui semula Umno bahagian itu.

Tengku Razaleigh berkata Saufi menyandang jawatan itu kerana dipilih mengikut perlembagaan parti dan tidak patut menyerahkan jawatan itu kepada sesiapa.

"Saya sudah berjumpa denganya semalam dalam lawatan selama tiga hari ke kawasan parlimen Gua Musang dan saya meminta beliau terus menyandang jawatan itu dan bersedia membantunya bagi mengukuhkan Umno di kawasan itu", katanya.

Tengku Razaleigh mencadangkan kepada bahagian-bahagian di Kelantan dan di negeri-negeri lain supaya menjemput sama bekas pemimpin S46 di kawasan masing-masing untuk menghadiri mesyuarat mereka.

"Ini penting kerana bekas pemimpin S46 masih mempunyai pengaruh dan buah fikiran beliau mungkin berguna untuk memantapkan kedudukan parti di peringkat bahagian," katanya.

Katanya beliau dan bekas pemimpin S46 lain akan melakukan lawatan untuk memberi penerangan kepada bahagian-bahagian untuk mengeratkan perpaduan antara Umno dan bekas anggota S46 yang kembali menyertai Umno.

"Di Kelantan saya tiada masalah kerana saya pernah memimpin mereka sejak berbelas tahun lepas," katanya.

Beliau akan memohon kebenaran Dr Mahathir terlebih dahulu supaya lawatan seperti itu tidak disalah tafsir oleh sesetengah pihak.

Tengku Razaleigh juga berkata beliau akan menyerahkan borang keahlian baki bekas anggota S46 yang ingin menyertai Umno.

Beliau berkata di Kelantan terdapat 27,000 borang sudah siap diproses manakala di negeri-negeri lain antara 5,000 dan 10,000.

Menurutnya, beliau akan menyerahkannya kepada Presiden Umno apabila ia mencukupi 100,000 borang.

Mengenai peranan "orang tengah" untuk menyelesaikan pertikaian antara Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dengan istana, Tengku Razaleigh berkata beliau sanggup menjadi orang perantaraan itu sekiranya mendapat keizinan Presiden parti. -- BERNAMA

WM MAI